

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD
[SETIAWANGSA]**

TARIKH : 22 SEPTEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD [SETIAWANGSA] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan inisiatif yang diambil dalam memastikan pekerja ekonomi gig tidak dieksplotasi oleh syarikat teknologi gergasi.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pada masa ini, Kerajaan telah mengambil pelbagai inisiatif dalam memastikan pekerja ekonomi gig mendapat perlindungan sebaiknya. Antaranya dengan memberi perlindungan keselamatan sosial kepada pekerja gig ekonomi seperti penghantar makanan dan *e-hailing services* sepertimana yang telah diperuntukkan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 [Akta 789] sekiranya mereka mencarum di bawah Akta tersebut.

Selain itu, Kerajaan juga telah menyediakan Dana Padanan Bagi Platform Ekonomi Gig (PenjanaGig) sepertimana yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 5 Jun 2020 melalui Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA). Inisiatif ini bagi menjamin keselamatan sosial dan kebajikan golongan Orang Bekerja Sendiri (OBS) yang melibatkan aktiviti pekerjaan ekonomi gig.

Sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan, berlaku peningkatan terhadap permintaan ke atas perkhidmatan dan pekerjaan berlandaskan ekonomi gig dan seterusnya meningkatkan risiko kemalangan. Ini termasuklah individu yang terlibat untuk menjalankan sesuatu tugas atau kerja melalui platform penyedia perkhidmatan atas aplikasi digital untuk mendapat upah seperti GrabCar, FoodPanda, Lalamove dan Bungkusit.

Kementerian juga telah mengadakan beberapa siri perbincangan dengan penyedia perkhidmatan gig ekonomi bagi membincangkan faedah dan perlindungan yang boleh dilindungi melalui undang-undang perburuhan tanpa menjaskannya ciri-ciri yang menjadi daya tarik gig ekonomi termasuk fleksibiliti dalam pekerjaan ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN WONG CHEN (SUBANG)

TARIKH : 22 SEPTEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN WONG CHEN [SUBANG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :

- (a) status Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC) dan reformasi utama; dan
- (b) memberikan satu garis masa yang jelas untuk membentangkan Rang Undang-Undang tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pada 18 Julai 2019, RUU Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis (IPCMC) 2019 telah dibentangkan untuk bacaan kali pertama di Parlimen oleh mantan Menteri Undang-Undang di Jabatan Perdana Menteri. Walau bagaimanapun, susulan pertukaran Kerajaan pada 1 Mac 2020, Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM) pada 1 April 2020 telah bersetuju supaya tanggungjawab RUU IPCMC diserahkan kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan dibentangkan semula di Parlimen setelah mendapat persetujuan Jemaah Menteri.

Susulan dari keputusan MJM tersebut, KDN melalui Jawatankuasa Teknikal telah menjalankan kajian terperinci bagi tujuan penggubalan RUU yang baharu bagi menggantikan RUU IPCMC. RUU yang baharu ini dinamakan semula sebagai RUU Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC). RUU IPCC telah dibuat bacaan kali pertama pada 26 Ogos 2020 di Dewan Rakyat dan dijangka bacaan kali kedua akan dibaca di sidang Parlimen pada penggal ini.